

## IMPLIKASI PENDEKATAN KORPORAT TERHADAP PENGURUSAN PEMBANGUNAN TANAH WAKAF: KAJIAN KES DI PERBADANAN WAKAF SELANGOR

### *THE IMPLICATION OF CORPORATE APPROACH TOWARDS WAQF LAND DEVELOPMENT: CASE STUDY AT PERBADANAN WAKAF SELANGOR*

Muhamad Hazrin Sayuti<sup>1</sup>  
Azreen Hamiza Abdul Aziz<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia,  
(Emel: hazrin.sayuti@yahoo.com)

<sup>2</sup> Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM), Malaysia  
(Emel: azreenhamiza@usm.my)

#### Article history

**Received date** : 1-8-2021  
**Revised date** : 2-8-2021  
**Accepted date** : 1-9-2021  
**Published date** : 18-9-2021

#### To cite this document:

Sayuti, M.H., & Aziz, A.H.A., (2021). Implikasi Pendekatan Korporat Terhadap Pengurusan Pembangunan Tanah Wakaf: Kajian Kes di Perbadanan Wakaf Selangor. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 6(39), 11-21.

---

**Abstrak:** *Kertas kerja ini membincangkan mengenai implikasi pendekatan korporat dalam pengurusan tanah wakaf. Secara umumnya, pendekatan korporat dapat memastikan pengurusan dan penyaluran manfaat wakaf kepada mawquf 'alayh menjadi lebih berkesan dan sistematik. Di Malaysia, punca kuasa pengurusan wakaf adalah melalui Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri-negeri yang memperuntukkan Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) sebagai pemegang amanah tunggal bagi semua jenis harta wakaf. Sehubungan itu terdapat isu kekangan tenaga profesional sebagai salah satu sumber manusia dalam menggerakkan perkembangan tanah wakaf. Perkara ini akan menyukarkan MAIN untuk memperoleh sumber kewangan yang mencukupi bagi membangunkan tanah wakaf. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti implikasi pendekatan korporat dalam menguruskan tanah wakaf dengan membuat penilaian khusus di Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk deskriptif dan penganalisan data menerusi kaedah analisis kandungan dan temu bual separa berstruktur. Hasil analisis menunjukkan pendekatan korporat berupaya memberi perubahan signifikan terhadap pengurusan tanah wakaf di Selangor. Dapatan juga berjaya memperlihatkan perkembangan pembangunan tanah wakaf Selangor yang lebih dinamik dan bersifat ekonomik.*

**Katakunci:** *Wakaf Korporat, Pembangunan, Tanah Wakaf, Perbadanan Wakaf Selangor*

**Abstract:** *This research discusses about the implication of corporate approach in waqf land management. In general, corporate approach can assure the management and distribution of waqf benefit to mawquf'alah are more efficient and systematic. In Malaysia, the source of waqf management is through the The States Islamic Law Administration Enactment which allocates the State Islamic Religious Council (SIRC) as the sole trustee for all types of waqf assets. Plus, there is an issue of lack of professional manpower as one of the human resources in progressing the waqf land. This will complicate SIRC to acquire adequate source of income to develop waqf land. Hence, this research aims to identify the implication of corporate approach in managing waqf land by doing a specific assessment at Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). This research uses qualitative approach in a descriptive form and data analyzation using content analysis and semi structured interviews. Result shows that corporate approach can give a significant change against waqf land management in Selangor. The findings also succeed in showing that Selangor waqf land development progress more dynamically and are economical.*

**Keywords:** *Corporate Waqf, Development, Waqf Land, Perbadanan Wakaf Selangor*

---

## **Pendahuluan**

Secara umumnya, pengurusan wakaf bergantung kepada sumbangan awam dalam menyelenggarakan tanah wakaf, sebagai contoh masjid dan sekolah-sekolah agama Islam. Terdapat kekurangan inisiatif dalam meningkatkan pendapatan tanah wakaf terutamanya dari aspek ekonomi dan perniagaan. Pembangunan tanah wakaf yang sebegitu, jika wujud sekalipun, masih kekurangan dalam pembangunannya dan sebenarnya masih tidak boleh menampung kos operasi dan penyelenggaraan tanah wakaf (Zakaria Bahari, 2012).

Menyedari realiti ini, maka negeri Selangor melalui Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) telah mewujudkan enakmen wakaf. Melalui enakmen ini, MAIS telah mendapat kuasa bagi menubuhkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) yang mempunyai tanggungjawab sepenuhnya terhadap segala pengurusan yang berkaitan wakaf.

Peruntukan yang telah ditetapkan sudah tentu mampu memberi kelebihan dan manfaat kepada PWS dalam meningkatkan tahap kecekapan pengurusan wakaf secara korporat. Namun persoalannya, sejauh manakah penubuhan sedemikian telah memberi manfaat terhadap pembangunan tanah wakaf di Selangor?

## **Kajian Literatur**

Kajian berkaitan potensi pembangunan tanah wakaf telah dilakukan seperti dalam kajian Asmak Ab Rahman (2009), Ismail Che Zuina (2010), Mochammad Arif Budiman dan Dimas Bagus Wiranata Kusuma (2011), Nurul Hilmiyah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Mousa Almanaseer dan Bashar Matarneh (2014), yang menyatakan sumbangan institusi wakaf ini dapat merencanakan lagi kegiatan ekonomi masyarakat. Hasilnya, pembangunan tanah wakaf ini dapat dijadikan sebagai salah satu alternatif bagi mengurangkan kadar kemiskinan.


Walau bagaimanapun, terdapat pengkaji seperti Surita Hartini Mat Hassan (2016) yang melihat kepada aspek yang mendasari konsep pembangunan tanah wakaf lestari (PHWL). Kajian beliau mendapati bahawa sumber asas PHWL adalah terdiri daripada al-Qur'an, Hadis

dan Ijtihad; kedua berkaitan prinsip-prinsip pelaksanaan PHWL iaitu adil, amanah, bersifat ekonomi, patuh syariah dan memelihara alam sekitar; ketiga mengenai elemen-elemen PHWL iaitu kekal, produktif dan bermanfaat; keempat ialah tujuan atau matlamat PHWL iaitu untuk mendekatkan diri kepada Allah SWT (*taqarrub*) dan mendapat reda Allah SWT. Tambahan beliau lagi, keempat-empat aspek ini perlu bergerak secara selari agar PHWL dapat direalisasikan. Dengan adanya PHWL bukan sekadar memberi kesejahteraan kepada masyarakat malah, dapat menyumbang dalam meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat Islam dengan terbinanya bangunan yang kekal utuh yang berdaya maju yang mampu memenuhi keperluan masyarakat kini.

Oleh yang demikian, wakaf dilihat sebagai salah satu sumber peningkatan ekonomi negara. Perkara ini disentuh dalam kajian yang dilakukan oleh Monzer Khaf (2003). Dalam kajian Monzer Khaf, wakaf juga merupakan instrumen ekonomi yang berupaya memberi kebajikan kepada masyarakat. Perkara ini diterima positif oleh kajian Zulkifli Hasan dan Muhammad Najib Abdullah (2008) dan Sanep Ahmad dan Mohamad Ramzi Che Ariff (2013). Mereka memberi gambaran keseluruhan berkaitan pelaburan tanah wakaf juga sebagai instrumen pembangunan ekonomi masyarakat Islam di Malaysia.

### Metodologi Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian deskriptif memandangkan fokus kajian adalah bertujuan menganalisis dan merumuskan implikasi pendekatan korporat terhadap pengurusan pembangunan tanah wakaf di Selangor. Rajah 1.1 merupakan tatacara kajian bagi memperoleh data dalam kajian ini.



Rajah 1: Tatacara Kajian

Berdasarkan Rajah 1, dapat dirumuskan bahawa metodologi kajian bermula dengan mengenal pasti masalah dan objektif kajian. Seterusnya, akan menganalisis kajian-kajian lepas. Reka bentuk mendasari kajian ini adalah kajian kes yang menggunakan pendekatan kualitatif dan berbentuk kajian deskriptif. Selain itu, berdasarkan kenyataan daripada Mohd Azhar Abd

Hamid, Halimah Ma'alip et. al (2001), kajian deskriptif dapat dirumuskan sebagai suatu pola penulisan atau pengkajian yang menggambarkan suatu kejadian secara mendalam. Sehubungan itu, kajian deskriptif ini dapat menggambarkan suatu perkara yang telah terjadi. Oleh yang demikian, bagi penyelidikan ini, pengkaji menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian deskriptif memandangkan fokus kajian adalah bertujuan menganalisis dan merumuskan implikasi pendekatan korporat terhadap pengurusan pembangunan tanah wakaf di Selangor. Perolehan data pula adalah melalui temu bual mendalam separa berstruktur bersama pegawai wakaf iaitu Puan Syazwarina Mohd Razali dan melalui sumber sekunder seperti penulisan jurnal, artikel dan laman sesawang organisasi yang dikaji. Akhir sekali, kesemua data yang diperoleh akan dianalisis menggunakan analisis kandungan.

### Analisis Kajian

Tanah yang diwakafkan kepada PWS mempunyai pelbagai keluasan dan pelbagai ciri. Oleh yang demikian, pihak PWS akan membuat penyelidikan ke atas tanah tersebut untuk memastikan sama ada tanah tersebut mempunyai potensi dibangunkan secara produktif atau sebaliknya. Untuk tujuan itu, pengelasan gred setiap tanah akan dilakukan. Pengelasan Gred Tanah adalah seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Pengelasan Gred Tanah**

Gred	Pelaksanaan Inventori
A	Sesuai untuk cadangan pembangunan
B	Sewaan-Komersial
C	Sewaan-Kediaman
D	Sewaan-Industri
E	Sewaan-Pertanian
F	Sewaan-Lain-lain kemudahan
G	<i>Istibdal</i>
H	Tidak boleh dibangunkan

Sumber: Temu bual bersama informan

Bagi memastikan keluasan dan struktur tanah wakaf dibangunkan dengan lebih sistematik, maka pengelasan gred tanah diterbitkan. Pengelasan gred tanah adalah bertujuan untuk dijadikan sebagai tanda aras terhadap suatu tanah wakaf yang diterima oleh PWS. PWS telah membahagikan pelaksanaan terhadap suatu tanah mengikut penggredan. Berdasarkan dalam Jadual 4.4, penggredan ini merangkumi gred A sehingga gred H. Gred A merupakan gred yang terbaik yang membolehkan untuk melaksanakan pembangunan ke atas suatu tanah. Pelaksanaan pembangunan ini pula seterusnya akan ditetapkan sama ada bertujuan sebagai sewaan komersial (Gred B), sewaan kediaman (Gred C), sewaan industri (Gred D), sewaan pertanian (Gred E) atau sewaan lain-lain kemudahan (Gred F). Gred G merupakan tanah yang tidak boleh dibangunkan. Namun, tanah Gred G masih boleh dipertimbangkan untuk dilaksanakan *Istibdal*. Bagi tanah Gred H adalah merupakan tanah yang paling tidak produktif sehingga tidak dapat melaksanakan atau memanfaatkan apa sahaja ke atas tanah tersebut.

Oleh yang demikian, pengelasan gred tanah A sehingga gred tanah F tidak mempunyai masalah untuk dicadangkan dalam bentuk pembangunan. Namun, berbeza keadaannya terhadap pengelasan gred tanah G. Gred tanah ini pada dasarnya tidak produktif dan sukar dibangunkan. Namun, dapat diselamatkan terhadap penggunaan tanah tersebut supaya dapat

diteruskan manfaatnya dengan melaksanakan kaedah *Istibdal*. Gred tanah yang dikategorikan untuk pelaksanaan *Istibdal* adalah disebabkan keadaan tanah yang diwakafkan tidak strategik seperti penstruktur tanah yang berbatu, saiz tanah yang kecil dan kawasan tanah sekeliling yang tidak berpotensi. Perkara ini akan merumitkan PWS untuk membangunkan sesebuah tanah wakaf. Bagi menyelesaikan masalah tersebut, konsep *Istibdal* dijalankan sama ada dengan cara penukaran tanah yang sama harga atau lebih atau pembelian tanah lain yang mempunyai sama harga atau lebih (Zakaria Bahari, 2013). Jadual 2 merupakan contoh *Istibdal* yang dilaksanakan oleh PWS.

**Jadual 2: Pelaksanaan *Istibdal* Di Selangor**

No Lot	Tempat/ Mukim	Luas Tanah (Ekar)		Syarat Nyata Tanah	Tempoh Pajakan	Manfaat
		Keseluruhan	Bahagian MAIS			
PT 12	Batu	0.0918	0.0918	Bangunan Kediaman	13.10.2077 (99 Tahun)	Surau <i>Ittihadiyah</i> , Selayang Baru
6684	Klang	2.0	2.0	Pertanian	Pajakan Selama-lamanya	Tapak Masjid Nurul Iman Kg. Telok Gadong, Klang

Jadual 2 adalah merupakan pelaksanaan *Istibdal* yang telah berjaya dilaksanakan oleh PWS. Pelaksanaan sedemikian telah menyumbang manfaat kepada Surau *Ittihadiyah* di Selayang Baru dan penambahan tapak Masjid Nurul Iman Kampung Telok Gadong di Klang. Kedua-dua tempat tersebut pada asalnya merupakan tanah yang tidak berpotensi untuk dibangunkan disebabkan keluasan tanah yang terlalu kecil dan memerlukan pecahan sempadan.

Seterusnya, bagi perbincangan terhadap tanah yang diwakafkan untuk tujuan am pula, PWS akan memastikan manfaat tanah wakaf tersebut dapat disalurkan kepada pihak MAIS, masjid, surau, tanah kubur, sekolah dan kebajikan anak yatim. Jadual 3 menunjukkan statistik tanah wakaf mengikut manfaat. Statistik ini menunjukkan untuk manfaat masjid, keluasan tanah yang diwakafkan adalah tertinggi iaitu sebanyak 533 lot atau bersamaan dengan 45 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah yang diwakafkan. Manakala bagi tujuan pendidikan, tanah yang diwakafkan diperuntukkan untuk tapak sekolah dan manfaat sekolah. Bagi tujuan pendidikan ini, keluasan tanah yang diperuntukkan ialah sebanyak 138 lot atau bersamaan dengan 12 peratus daripada keseluruhan tanah yang diwakafkan. Bagi tujuan selain pendidikan seperti tapak masjid, tapak surau, manfaat surau, tanah kubur dan kebajikan anak yatim pula, keseluruhannya adalah sebanyak 395 lot yang bersamaan dengan 33 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah yang diwakafkan. Akhir sekali, MAIS juga tidak terkecuali untuk memperoleh manfaat tanah wakaf. Bagi manfaat MAIS, MAIS memperoleh sebanyak 122 lot iaitu 10 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah yang diwakafkan.

Oleh yang demikian, bagi menghasilkan manfaat seperti yang telah dinyatakan dalam Jadual 3, PWS akan membahagikan bentuk pembangunan kepada beberapa kriteria. Terdapat tiga kriteria yang ditetapkan oleh PWS dalam melaksanakan suatu bentuk pembangunan. Kriteria pertama adalah bertujuan ekonomi; kriteria kedua adalah bertujuan sosial dan kriteria ketiga adalah bertujuan pendidikan.

Bagi kriteria ekonomi, bentuk pembangunan yang dilaksanakan PWS adalah seperti sewaan rumah kediaman, sewaan bangunan, penanaman, sewaan pertanian dan sekolah memandu. Prospek pembangunan sedemikian dibangunkan seterusnya akan menyewakannya kepada individu yang berminat. Hasil daripada sewaan tersebut PWS akan memperoleh keuntungan dan akan menggunakan keuntungan tersebut bagi tujuan penambahan harta wakaf, membayar segala kos penyelenggaraan dan sebagainya.

Bagi kriteria kedua pula iaitu sosial, antara bentuk pembangunan yang dilakukan oleh PWS adalah dengan melaksanakan pembangunan yang bertujuan kebajikan seperti pembinaan pondok-pondok, rumah warga emas/muallaf, tempat riadah anak yatim, surau dan masjid. Akhir sekali kriteria yang ketiga adalah bertujuan pendidikan yang bersifat lebih ke arah sosioekonomi. Antara bentuk pembangunan pendidikan adalah seperti pembinaan tadika Islam, sekolah rendah agama dan Ma'ahad Tahfiz.

**Jadual 3: Statistik Keseluruhan Permohonan Tanah Wakaf Mengikut Manfaat**

Daerah		Manfaat MAIS	Tapak Masjid	Manfaat Masjid	Tapak Surau	Manfaat Surau	Tanah Kubur	Tapak Sekolah	Manfaat Sekolah	Kebajikan/ Anak Yatim	Jumlah
Klang	Fail	23	18	73	55	8	1	24	12	4	218
	Lot	22	16	73	47	9	1	23	13	4	208
	Ekar	21.2415	18.8956	94.03385	12.13474	3.2305	1.25	26.27189	15.744	5.24254	198.04462
K.Selangor	Fail	7	15	93	31	3	1	17	8	1	176
	Lot	7	15	92	30	3	1	15	8	1	170
	Ekar	5.8284	10.5571	136.4162	13.8669	1.72	1	19.129	9.576	0.13	198.2236
S.Bernam	Fail	10	6	178	46	24	5	21	7	6	303
	Lot	10	6	176	44	23	5	21	7	6	298
	Ekar	15.5786	10.0661	262.91448	17.5961	35.23259	7.925	21.9211	10.99457	8.7984	391.02694
Petaling	Fail	15	4	19	5	2	2	5	-	5	57
	Lot	14	4	19	5	3	2	5	-	5	57
	Ekar	2.73981	6.2123	2.65062	0.9799	0.2902	1.0685	2.234	-	1.8023	17.977
Gombak	Fail	22	5	10	18	6	1	8	5	14	89
	Lot	21	5	10	18	6	1	8	5	9	83
	Ekar	4.4454	17.3954	4.7371	5.09809	0.5473	2.8	3.6095	0.7546	9.40511	48.7925
K.Langat	Fail	8	15	84	29	7	4	9	4	7	167
	Lot	8	15	81	29	7	4	9	4	7	164
	Ekar	6.3953	10.5697	107.7248	11.0631	2.868	2.407	11.421	6.5115	6.5455	165.5059
H.Selangor	Fail	18	1	10	4	-	1	3	1	3	41
	Lot	20	1	10	4	-	1	3	1	3	43
	Ekar	25.9477	3.74	16.4597	0.4485	-	1.7187	6.103	0.5	1.3732	56.2908
H.Langat	Fail	28	7	40	16	11	-	4	5	8	119
	Lot	16	7	38	11	11	-	4	5	8	100
	Ekar	12.58691	9.0645	93.77776	3.08309	4.8898	-	6.93	10.0024	10.6325	150.96696
Sepang	Fail	4	4	35	6	5	2	10	-	1	67
	Lot	4	4	36	6	5	2	7	-	1	65
	Ekar	0.8008	11.614	56.9217	1.5407	7.013	0.6685	2.2718	-	0.4115	81.242
<b>Jumlah</b>	<b>Fail</b>	<b>135</b>	<b>75</b>	<b>542</b>	<b>210</b>	<b>66</b>	<b>17</b>	<b>101</b>	<b>42</b>	<b>49</b>	<b>1237</b>
	<b>Lot</b>	<b>122</b>	<b>73</b>	<b>533</b>	<b>194</b>	<b>67</b>	<b>17</b>	<b>95</b>	<b>43</b>	<b>44</b>	<b>1188</b>
	<b>Ekar</b>	<b>95.56379</b>	<b>98.1147</b>	<b>775.63621</b>	<b>65.81112</b>	<b>55.79139</b>	<b>18.8377</b>	<b>99.89129</b>	<b>54.08307</b>	<b>44.34105</b>	<b>1308.07032</b>



Walau bagaimanapun, ketiga-tiga kriteria tersebut hanya akan ditetapkan oleh PWS terhadap tanah wakaf yang diwakafkan secara am. Bagi tanah wakaf yang diwakafkan secara khas, PWS akan melaksanakan pembangunan berdasarkan niat *waqif*. Ringkasan maklumat ini dapat diperlihatkan dalam Jadual 4.

Seperti dalam Jadual 4, tanah yang diwakafkan secara khas mencatatkan jumlah tertinggi bagi melaksanakan suatu pembangunan iaitu seluas 123.4848 ekar tanah bersamaan dengan 68.73 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah. Manakala, wakaf am mencatatkan jumlah tanah seluas 56.18562 ekar tanah bersamaan dengan 31.27 peratus daripada keseluruhan tanah. Oleh yang demikian, daripada jumlah tanah bagi tujuan am ini PWS telah menetapkan beberapa bentuk pembangunan tanah di Selangor. Seluas 11.97742 ekar tanah telah diperuntukkan bagi tujuan sewaan rumah kediaman. Bagi sewaan bangunan pula, PWS telah memperuntukkan seluas 11.8668 ekar tanah. Selain itu, PWS juga memperuntukkan sejumlah tanah seluas 4.0006 ekar tanah bagi tujuan pembinaan sekolah memandu. Seterusnya, seluas 3.4687 ekar tanah digunakan bagi tujuan penanaman. Manakala, bagi tujuan sewaan pertanian pula seluas 6.4998 ekar tanah telah diperuntukkan. Maka, bagi tujuan ekonomi secara keseluruhannya PWS telah memperuntukkan seluas 37.81532 ekar tanah bersamaan dengan 67.30 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah wakaf am.

Selain itu, bagi tujuan sosial pula PWS juga telah membahagikan kepada beberapa bentuk pembangunan. Seluas 3.4346 ekar tanah diperuntukkan bagi tujuan tempat riadah anak yatim. Masjid dan surau pula mencatatkan jumlah tanah seluas 4.1296 ekar tanah. Bagi tujuan kebajikan seperti pembinaan pondok-pondok, rumah warga emas dan rumah mualaf tanah yang diperuntukkan adalah seluas 8.4816 ekar tanah. Maka, keseluruhan tanah yang diperuntukkan bagi tujuan sosial adalah seluas 16.0458 ekar tanah bersamaan dengan 28.56 peratus.

Akhir sekali adalah prospek pembangunan yang bertujuan sosioekonomi iaitu dalam bentuk pendidikan. Bagi tujuan ini, PWS telah memperuntukkan tanah seluas 0.15 ekar tanah bagi tujuan tadika Islam. Sekolah Rendah Agama pula diperuntukkan tanah seluas 2.1765 ekar tanah. Oleh yang demikian, bagi tujuan pendidikan ini PWS telah memperuntukkan sebanyak 2.3265 bersamaan dengan 4.14 peratus daripada jumlah keseluruhan tanah wakaf am.

Berdasarkan data-data ini, dapat dirumuskan bahawa penggunaan tanah wakaf am diperuntukkan bagi tujuan ekonomi adalah tertinggi iaitu sebanyak 67.30 peratus. Kedua tertinggi adalah bagi tujuan sosial iaitu sebanyak 28.56 peratus. Akhir sekali adalah bagi tujuan sosioekonomi iaitu pendidikan yang mencatatkan jumlah yang terendah iaitu sebanyak 4.14 peratus. Penggunaan tanah bagi tujuan sosioekonomi dari segi pendidikan mencatatkan jumlah yang terendah adalah disebabkan PWS telah memberi fokus kepada sektor pendidikan dan kesihatan dengan kerjasamanya bersama BMMB. Hasil daripada kerjasama ini, PWS dan BMMB lebih cenderung memberi bantuan kepada sektor pendidikan dan kesihatan dalam bentuk sumbangan kewangan dan pembelian peralatan berbanding dengan membangunkan suatu pembangunan seperti sekolah-sekolah atau pusat-pusat kesihatan.



**Jadual 4: Bentuk Pembangunan Tanah Wakaf Selangor (Luas Tanah Ekar)**

Daerah	Wakaf Khas	Wakaf Am										Jumlah (Ekar)
		Sewaan Rumah Kediaman	Sewaan Bangunan	Tempat Riadah Anak Yatim	Penanaman	Sewaan Pertanian	Sekolah Memandu	Tadika Islam	Masjid/Surau	Sek. Rendah Agama	Kebajikan (Pondok/Rumah Warga Emas/Anak Yatim Muallaf)	
Gombak	6.8508	1.5972	0.091	3.4346	-	-	-	-	-	-	-	11.9736
H.Langat	4.9096	5.4739	3.057	-	3.4687	6.4998	4.0006	-	-	-	-	27.4096
H.Selangor	5.0843	0.229	0.229	-	-	-	-	-	-	-	-	5.5423
Klang	16.1683	3.7182	7.1143	-	-	-	-	0.15	4.1296	2.1765	8.1816	41.6385
K.Langat	15.3978	0.1653	0.1	-	-	-	-	-	-	-	-	15.6631
K.Selangor	20.814	-	0.2817	-	-	-	-	-	-	-	-	21.0957
Petaling	4.0867	0.28062	0.97	-	-	-	-	-	-	-	0.3	5.63732
S.Bernam	35.5188	0.0274	0.0238	-	-	-	-	-	-	-	-	35.57
Sepang	14.6545	0.4858	-	-	-	-	-	-	-	-	-	15.1403
<b>Jumlah (Ekar)</b>	<b>123.4848</b>	<b>11.97742</b>	<b>11.8668</b>	<b>3.4346</b>	<b>3.4687</b>	<b>6.4998</b>	<b>4.0006</b>	<b>0.15</b>	<b>4.1296</b>	<b>2.1765</b>	<b>8.4816</b>	<b>179.67042</b>

Sumber: Temu bual bersama informan

Selain itu, terdapat juga perubahan yang signifikan terhadap keluasan tanah wakaf sebelum dan selepas penubuhan PWS seperti yang dipamerkan di Jadual 5.

**Jadual 5: Perbandingan Keluasan Tanah Wakaf Sebelum Dan Selepas Penubuhan PWS**

Daerah	MAIS (≤2013)		PWS (2013-2016)		Perubahan	
	Lot	Ekar	Lot	Ekar	Lot	Ekar
Klang	134	55.32	216	203.39472	+82	+148.07472
K.Selangor	100	54.2	184	210.4735	+84	+156.2735
S.Bernam	177	101.75	312	412.17204	+135	+310.42204
Petaling	16	2.9	65	24.25344	+49	+21.35344
Gombak	53	10.26	87	50.7964	+34	+40.5364
K.Langat	108	52.21	171	169.0426	+63	+116.8326
H.Selangor	22	15.21	50	58.4833	+28	+43.2733
H.Langat	62	43.99	103	151.80506	+41	+107.81506
Sepang	38	16.83	69	81.79563	+31	+64.96563
<b>Jumlah</b>	<b>710</b>	<b>352.67</b>	<b>1257</b>	<b>1362.21669</b>	<b>+547</b>	<b>+1009.54669</b>

Sumber: Temu bual bersama informan

Berdasarkan Jadual 5, daerah Sabak Bernam merupakan daerah yang mencatatkan peningkatan tertinggi terhadap penambahan tanah wakaf iaitu sebanyak 35 lot bersamaan dengan seluas 310.42204 ekar tanah. Daerah Kuala Selangor pula merupakan daerah yang kedua tertinggi terhadap penambahan tanah wakaf iaitu sebanyak 84 lot bersamaan dengan seluas 156.2735 ekar tanah. Ketiga tertinggi adalah merupakan daerah Klang dengan penambahan sebanyak 82 lot bersamaan dengan seluas 148.072472 ekar tanah. Keempat merupakan daerah Kuala Langat iaitu dengan penambahan sebanyak 63 lot bersamaan dengan seluas 116.8326 ekar tanah. Kelima merupakan daerah Petaling dengan penambahan sebanyak 49 lot bersamaan dengan seluas 21.35344 ekar tanah. Keenam merupakan daerah Hulu Langat dengan penambahan sebanyak 41 lot bersamaan dengan seluas 107.81506 ekar tanah. Ketujuh pula merupakan daerah Gombak dengan penambahan sebanyak 34 lot bersamaan dengan seluas 40.5364 ekar tanah. Kelapan adalah merupakan daerah Sepang dengan penambahan sebanyak 31 lot bersamaan dengan seluas 64.96563 ekar tanah. Akhir sekali merupakan daerah Hulu Selangor yang mencatatkan penambahan sebanyak 28 lot bersamaan dengan seluas 43.2733 ekar tanah. Dapat dirumuskan bahawa dengan penubuhan PWS, ia membawa perubahan positif terhadap peningkatan tanah wakaf di keseluruhan daerah negeri Selangor. Perkara ini seterusnya mencatatkan peningkatan keseluruhan terhadap tanah wakaf di negeri Selangor sebanyak 1257 lot dengan perbezaan penambahan iaitu 547

lot berbanding 710 lot dan mempunyai keluasan sehingga 1362.21669 ekar tanah dengan perbezaan penambahan seluas 1009.54669 ekar tanah berbanding seluas 352.67 ekar tanah.

### Penutup

Pelaksanaan pembangunan tanah wakaf di Selangor, ia adalah bersifat ekonomik dan PWS sendiri telah menyusun atur bentuk wakaf berkategori ekonomi seperti projek pembangunan perumahan, penyewaan bazar-bazar, penyewaan tanaman dan sebagainya. Pelaksanaan pembangunan tanah wakaf yang berkesan merupakan perkara penting terhadap suatu tanah wakaf yang hendak dibangunkan. Kesan daripada pelaksanaan pembangunan sedemikian secara tidak langsung dapat membantu PWS dalam menjana pendapatan seterusnya dapat dimanfaatkan untuk hal berkaitan penambahbaikan harta wakaf malah dapat membeli dan membangunkan aset wakaf baharu.

### Bibliografi

- Asmak Ab Rahman (2009). Peranan wakaf dalam pembangunan ekonomi umat Islam dan aplikasinya di Malaysia. *Shariah Journal*, 17(1), 113-152.
- Ismail Che Zuina. (2010). Al Mutawalli Dalam Pengurusan Harta Wakaf dan Amalan di Malaysia Menurut Perundangan Islam. In *ICOPS 2010* (pp. 94–98). Merbok, Kedah: 1st International Conference on Public Policy & Social Science.
- Mochammad Arif Budiman & Dimas Bagus Wiranata Kusuma. (2011). The Economic Significance of Waqf: A Macro Perspective. *The 8th International Conference on Tawhidi Methodology Applied to Islamic Microenterprise Development*, (1996), 1–17.
- Mohd Azhar Abd Hamid, Halimah Ma'alip et. al. (2001). *Pengenalan kepada penulisan Ilmiah*. Penerbit UTM, Skudai.
- Monzer Kahf. (2003). The Role Of Waqf In Improving The Ummah Welfare. In *the International Seminar on waqf as a Private Legal Body* organized by the Islamic University of North Sumatra, Medan, Indonesia.
- Nurul Hilmiyah, Muhammad Hakimi Mohd Shafiai, Mousa Almanaseer & Bashar Matarneh. (2014). Waqf and its role the social economic development of the Hashemite Kingdom of Jordan. *Journal of Economics and Sustainable Development*, 5(15), 18-26.
- Sanep Ahmad & Mohamad Ramzi Che Hariff @ Che Haris. (2013). Wakaf Produktif dalam Pembangunan Pendidikan : Kajian di Pondok Moden Darussalam Gontor , Indonesia. *Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VIII (PERKEM VIII)*, 3, 1302–1314.
- Surita Hartini Mat Hassan. (2016). Konsep Pembangunan Hartanah Wakaf Lestari: Analisis Pandangan Ahli Akademik. *The 11<sup>th</sup> ISDEV International Islamic Development Management Conference (IDMAC)*. Kertas Kerja dibentangkan di Auditorium, Institute for Research in Molecular Medicine (INFORMM) Universiti Sains Malaysia.
- Zakaria Bahari. (2012). Pemeraksanaan Instrumen Wakaf Dalam Pembangunan Ekonomi. Kertas kerja dibentangkan di *International Conference On Religiousity In Development* bertempat di Hotel Madani, Medan pada 26-27 April.
- Zulkifli Hasan & Muhammad Najib Abdullah (2008). The Investment Of Waqf Land As An Instrument Of Muslim' Economic Development in Malaysia. In *the Dubai International Conference on Endowments' Investment, organized by Awqaf and Minors Affairs Foundation, Dubai, the United Arab*.